

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 51 RABU 17 DISEMBER, 1969

1389 رابو 7 شوال PERCHUMA

M.B. gesa pemborong2 supaya mengutamakan anak2 tempatan

BANDAR BRUNEI. — Kesuntukan tenaga di-kalangan raayat negeri ini telah menyebabkan beberapa projek perkembangan terpaksa menghadapi perubahan pada jangka waktu untuk menyiapkan-nya.

Ini telah di-jelaskan oleh Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam perutusan uchapan selamat hari raya kepada seluruh raayat yang di-siarkan melalui radio pada malam Hari Raya yang baru lalu.

Beliau berkata bahawa masalah tersebut telah melibatkan beberapa aspek kepentingan negara yang memerlukan tenaga bagi faedah2 melancarkan pelaksanaan projek2 perkembangan sama ada yang telah di-ranchangkan oleh Kerajaan maupun yang di-jalankan oleh sektor2 pribet.

"Jika semua ranchangan2 perkembangan bagi negeri ini hendak di-laksanakan menurut jangka waktu yang mula-nya telah di-tetapkan, maka adalah di-perlukan tenaga yang berlipat ganda banyak-nya dan kualiti-nya yang lebih baik pada yang ada pada masa ini", jelas beliau.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar berkata, dalam menghadapi kesuntukan tenaga ini kita terpaksa memasukkan beberapa tenaga yang berke-mahiran dari luar negeri sama ada bagi memenohi jawatan2 Kerajaan mau pun di-bahagian awam.

Dasar ini, tegas beliau, hanya-lah merupakan satu tindakan jangka pendek sahaja dan perubahan2 akan di-lakukan jika keadaan sudah memerlukan berbuat demikian.

"Lambat laun semua-nya mata2 pencharian di-seluruh negeri akan di-penuhi oleh anak2 negeri apabila kualiti dan quantiti raayat telah sampai kepada peringkat yang

(Lihat Muka 8)



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Malam Seni Budaya di-Dewan Raya malam ini

BANDAR BRUNEI. — Malam Kesenian dan Kebudayaan anjoran Jabatan Kebajikan Masyarakat akan di-adakan Dewan Raya Bandar Brunei pada malam ini, 17 Disember 1969 mulai jam 8.00 malam.

Sa-banyak lima buah persatuan belia akan mengambil bahagian dalam peraduan derama pentas mengenai sejarah Brunei yang bertajok Orang Kaya Di-Gadong Seri Lela.

Empat belas persatuan lagi akan bertanding dalam nyanyian2 asli Brunei dan lima dalam tarian2.

Tiket2 yang berharga satu ringgit untuk menyaksikan persembahan2 itu boleh di-dapati dari Jabatan Kebajikan Masyarakat atau di-pintu masuk sa-belum acara di-mulakan.



Gambar menunjukkan Pengiran Dato Paduka Momin sedang menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua rombongan tersebut, Awangku Shahar bin Pengiran Haji Mohamad Said.

Pelumba2 basikal Brunei ka-Malaysia

BANDAR BRUNEI. — Pemangku Penu-long Setia Usaha Kerajaan, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada ketua rombongan pelumba2 basikal Brunei pada hari Isnin lepas.

Upacara menyampaikan bendera itu telah di-adakan di-tambahan Kastam Di-Raja Bandar Brunei sa-belum rombongan tersebut berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Malaysia Barat.

Lapan dari 13 orang yang telah dipilih untuk mewakili negeri ini telah pergi dengan kapal laut dan yang lain-nya akan berlepas dengan kapal terbang esok, 18 Disember.

Lapan orang yang telah berlepas dengan kapal laut itu telah di-iringi oleh enam orang pelumba basikal yang pergi dengan perbelanjaan mereka sendiri, sementara lima orang yang lain-nya itu akan di-iringi oleh tiga orang pegawai dari Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Pelumba2 basikal Brunei itu akan mengambil bahagian dalam perlumbaan sa-jauh 125 batu yang akan di-adakan di-Melaka pada 25 dan 26 Disember ini dan perlumbaan basikal di-Johore pada 28 dan 29 Disember, 1969.

Ini adalah pertama kali-nya pelumba2 basikal Brunei mengambil bahagian dalam perlumbaan seperti itu di-luar negeri.

Lebih 5 ribu orang mengucapkan selamat belayar kepada 244 orang bakal2 haji Brunei

BANDAR BRUNEI. — Lebih dari lima ribu orang telah membanjiri tambatan Kastam Di-Raja, Bandar Brunei untuk mengucapkan selamat belayar kepada bakal2 haji Brunei yang telah berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Mekah pada hari Sabtu lepas.

Rombongan bakal2 haji samai 244 orang itu telah berlepas ka-Labuan dalam lima buah kapal kerajaan dan dari sana mereka berlepas ka-Jeddah melalui Singapura dengan kapal haji Anshun.

Bakal2 haji itu telah di-iringi oleh Pegawai Urusan Haji Brunei, Awang Kassim bin Haji Ahmad dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama hingga ka-Labuan.

Semasa dalam pelayaran, bakal2 haji Brunei itu di-jaga oleh sa-orang pegawai haji, Awang Sabtu bin Muhammad.

Sa-belum menaiki kapal yang membawa bakal2 haji itu ka-Labuan, bakal2 haji itu telah mendengar ucapan yang di-sampaikan oleh Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sa-orang pegawai kanan di-Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Do'a selamat atas keberangkatan bakal2 haji itu telah di-sampaikan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Tuan Iman Dato Paduka Awang Haji Mohammad Yusof.

Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Haji Muda Kemaluddin ada-lah di-antara beribu2 yang telah mengucapkan selamat belayar kepada bakal2 haji itu.

Kembali sa-lepas menjalani Latehan di-Kuala Lumpur.


BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai Jabatan Pengangkutan Darat telah pulang ka-tanah ayer pada minggu lalu sa-lepas menjalani latehan di-Jabatan Pengangkutan Darat di-Kuala Lumpur.

Mereka itu ia-lah Abdul Latif bin Badar, Pegawai Penguat Lesen bagi Daerah Brunei dan Awang Hassan bin Abdul Razak, pegawai penguat lesen bagi Daerah Belait.

Dua orang pegawai itu yang

meninggalkan Brunei dalam bulan Ogos telah melakukan lawatan sambil memerhati ka-pejabat2 pengangkutan darat di-Johore, Pulau Pinang dan Kelantan.

Awang Abdul Latif berkata, mereka telah mempelajari semua perkara berhubung dengan pengangkutan darat termasuk pentadbiran, mengeluarkan lesen kereta2 persendirian dan pertandingan dan aspek2 teknikal dalam pemeriksaan kenderaan.



Gambar atas: dua buah kapal kerajaan M.V. Bolkiah dan M.V. Sultan yang membawa bakal2 haji Brunei ka-Labuan kelihatan sedang bertolak perlahan2 meninggalkan tambatan kastam yang penuh sesak di-banjiri oleh beribu2 orang yang mengucapkan selamat belayar kepada bakal2 haji itu.

Dengan perasaan sedih dan pilu, sanak saudara dan sahabat2 handai bakal2 haji sedang melambai2kan tangan bagi mengucapkan selamat belayar kepada bakal2 haji sa-belum kapal Sultan yang membawa mereka ka-Labuan bertolak dari tambatan kastam. (gambar tengah).

Selain dari membanjiri tambatan kastam, sanak saudara dan sahabat handai bakal2 haji yang tinggal di-kampung2 ayer telah mengikuti kapal2 yang membawa bakal2 haji itu hingga ka-hujung Kampung Saba. (gambar bawah).

Sambutan Hari Raya Persatuan Melayu Keriam Tutong

TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam Tutong — PESAHA, akan mengadakan satu pertunjukan aneka warna, di-rumah persatuan itu pada 19 Disember ini, sempena menyambut Hari Raya Puasa.

Pementasan itu termasuk satu peraduan derama memilih bakat bagi belia2 Keriam.

Kemunchak persembahan dalam sambutan itu ia-lah pertandingan akhir bahath antara Gerakan Persatuan Pemuda Sukarela dan Persatuan Melayu Tanjong Maya.

Pemenang dalam peraduan itu akan mewakili Daerah Tutong ka-peraduan bahath peringkat seluruh negeri yang di-adakan di-Bandar Brunei tidak beberapa lama lagi.

Sampul2 surat hari pertama

BANDAR BRUNEI. — Sampul2 surat hari pertama bagi memperingati pembukaan rasmi Pusat Belia di-Bandar Brunei sekarang sedang di-jual di-semua pejabat pos di-negeri ini.

Ketua Pos Agong Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata, sampul2 surat itu berharga 20 sen sekeping.

Stem2 keluaran khas itu yang berharga 6 sen, 10 sen dan 30 sen akan di-jual pada 20 Disember ini.

Setem2 tersebut akan terus di-jual selama tiga bulan atau hingga setem2 dalam simpanan habis di-jual yang mana lebih awal.

KHUTBAH HARI RAYA AIDIL-FITRI:

DI-PAGI raya yang sangat meriah ini, dapat-lah kita bersama2 merayakan suatu ketika yang amat mengembirakan, ia-itu saat di-mana umat Islam keluar daripada bulan Ramadhan yang penoh ujian, kapada hari raya yang membawa kegembiraan, dan sesungguhnya hari raya ada-lah kurnia untuk orang yang taat mengerjakan surohan Tuhan-nya, dan penghormatan untuk orang yang mengharap-kan keampunan bagi segala dosa-nya.

Oleh itu di-samping kita menghadapi hari yang gembira ini, patut-lah kita bershukor kapada Allah subhanahu wataala, atas kejayaan kita menunaikan ibadat Puasa yang merupakan ujian yang amat berat bagi umat Islam. Shukor al-hamdulillah kita telah berjaya menahan selira sa-bulan lamanya, dan menahan nafsu di-siang hari sa-panjang bulan Ramadhan yang mulia. Sesungguhnya kejayaan kita itu ada-lah berkat keyakinan dan keimanan yang mendalam, di-samping rasa takwa dan patuh kita kapada Allah.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Islam sa-bagai suatu Ughama yang di-turunkan untuk menjadi panduan hidup bagi seluruh manusia, sudah barang tentu mengandongi ajaran2 yang bertujuan untuk membawa kebaikan dan kesejahteraan. Ughama di-turunkan bukan-lah untuk mendatangkan sebarang kesusahan, akan tetapi ada-lah semata2 untuk menjelmakan kesenangan, sa-bagai mana firman Allah dalam suratul-haj ayat 78 yang bermaksud:

"Dan tidak-lah dia (Allah) jadikan kesempatan dalam Ughama."

Dari ayat ini dapat-lah kita memahami bahawa ibadat berpuasa itu tidak-lah dapat di-anggap sa-bagai satu penyiksaan, meski pun ia pada lahirnya membawa penderitaan bagi kaum Muslimin, ia-itu menderita lapar dan dahaga di-sepanjang siang bulan puasa, kerana bagi orang yang dapat membuat pertimbangan dan bijaksana, maka faedah2 puasa ada-lah mengandongi berbagai2 lathian yang mendatangkan kebaikan bagi rohani dan jasmani kita semua.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Memang-lah ibadat puasa menegah kita daripada menikmati kelezatan makanan dan minuman serta menahan orang daripada membuat hubungan jenis di-siang hari, tetapi ini tidak-lah pula berarti bahawa Islam mengajar supaya kita melupakan kenikmatan dan ke-

HARI RAYA KURNIA UNTOK ORANG YANG TA'AT MENERJAKAN SUROHAN TOHAN

meriahan hidup, sebab sa-telah berpuasa yang hanya sa-bulan lama-nya itu, kita mendapat kurnia pula merayakan hari raya, ia-itu hari bahagia untuk kita bersukaria sepuas2-nya. Bagi orang yang dapat menggunakan akal fikiran-nya yang waras, maka sa-sungguh-nya antara dua kejadian ini sudah chukop-lah bagi-nya menyingkap hakikat yang menchapai kegembiraan hidup, sebab Islam tidak dapat memisahkan antara kepentingan rohani dan jasmani dan antara keimanan dan kebendaan.

Dalam surat al-bakarah ayat 29 Allah telah berfirman yang bermaksud:

"Dia-lah (Tuhan) yang mengadakan apa yang di-bumi seluruh-nya untuk kamu."

Dan Nabi Mahammad s.a.w. pula bersabda maksud-nya:

"Bekerja-lah untuk dunia mu sa-olah2 kamu hidup selama2-nya, dan bekerja-lah untuk akhirat mu sa-olah2 kamu akan mati esok".

Dari ayat dan hadith ini ternyata-lah bahawa bukan-lah ajaran Islam untuk mengesa orang melupakan hal ehwal hidup di-dunia, dan semata2 untuk mengejar akhirat sahaja, akan tetapi Islam menganggap bahawa kehidupan di-dunia itu ada-lah sa-bagai perediaan dan persiapan untuk menghadapi kesenangan dalam kehidupan yang kekal abadi di-akhirat nanti. Berbahagialah nanti orang yang telah menggunakan kehidupan di-dunia dalam lingkungan titah perintah Allah. Dan chelakalah nanti orang yang telah menggunakan kehidupan di-dunia dengan berpandukan hawa nafsu-nya semata2.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Sa-telah selesai kita mengerjakan ibadat puasa itu, maka baik juga kita tinjau serba sedikit kesan puasa tadi, sa-bagai satu ibadat dan hubungan-nya dengan kehidupan kita sa-bagai manusia.

Ahli2 ilmu pengetahuan telah menetapkan bahawa manusia hanya-lah sa-bahagian dari jenis binatang, yang hanya di-

bedzakan dari binatang2 yang lain oleh satu perkara sahaja, ia-itu kita telah di-kurniakan akal fikiran. Dan ahli2 ilmu pengetahuan juga telah menegaskan bahawa kerja2 yang berat dan susah tidak akan dapat di-selesaikan oleh orang2 yang tidak biasa menghadapi ujian dan kesusahan yang agak ringan.

Memang-lah sifat semula jadi manusia selalu terlanjur dan terbabas dalam mengejar keperluan hidup-nya. Manusia kerap kali akan membelakangkan pertimbangan akal fikiran yang waras dan seringkali membuat pekerjaan yang mendatangkan bencana bagi diri dan masyarakat. Puasa ada-lah bertujuan untuk mengeluarkan manusia dari sifat2 kebinatangan ini dan melahirkan mereka sa-bagai pahalawan manusia yang benar2 mengerti akan tanggung jawab-nya.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Satu kesan yang amat jelas dari amalan berpuasa ia-lah mengajar manusia supaya hidup berdisiplin dan berperatoran, dan sesungguhnya disiplin atau peratoran itu ada-lah syarat untuk menchapai sa-batang kejayaan dan kesempurnaan.

Sebelas bulan lama-nya kita telah menempoh kehidupan dengan penoh kebibanan untuk menikmati makanan dan minuman serta melakukan hubungan jenis dengan tidak sekatan dalam perenggan waktu yang panjang itu, seringkali juga hawa nafsu kebinatangan menguasai alam fikiran manusia, sehingga mereka melakukan perkara2 yang di-luar kesupanan dan tidak di-redzai Allah. Dan dalam masa sebelas bulan itu juga terdapat sa-bahagian manusia melakukan sa-suatu mengikut kehendak semata2, maka hilang-lah arti disiplin dan peraturan. Bahawa manusia akan menempoh kehidupan yang pinchang dan purakperanda. Akan tetapi ibadat puasa yang hanya sebulan lama-nya itu telah dapat mengimbangi keadaan yang kucharkachir ini. Dan telah berhasil menuntun manusia agar kembali semula kapada akal fikiran, yang

waras, ia-itu dengan mengadakan sekatan waktu bagi makan dan minum dan sekatan waktu bagi hubungan jenis, sa-bagai mengingatkan mereka betapa mustahak-nya disiplin dan peratoran.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Untuk mengajar manusia agar menyedari tanggung jawab terhadap kesempurnaan masyarakat maka ibadat puasa telah pun memainkan peranan yang amat besar. Ia-itu dengan mengesakan manusia agar mengelakkan perbuatan keji semasa berpuasa, seperti mengumpat dan mengeji serta membuat amalan kebajikan, seperti berterawih dan mengaji.

Sesungguhnya sa - sabuah masyarakat yang di-landa oleh sipat2 keji seperti mengumpat dan menchachi akhir-nya akan menghadapi perbelahan dan sengketa sama sendiri, dan perselisihan ada-lah menghalang kesempurnaan.

Sejak zaman purbakala lagi, manusia ada-lah sentiasa mengingini kebahagiaan, dan salah satu syarat kebahagiaan ada-lah ujud-nya persafahaman dan timbang rasa sama manusia, akan tetapi sifat kebinatangan seringkali menghalangi syarat2 serupa ini. Walau bagai mana pun ibadat puasa yang menyebabkan manusia mengalami lapar dan dahaga akhir-nya melatih kita untuk menginsafi bahawa demikianlah penderitaan orang miskin dan melarat yang sentiasa keboloran dan tidak chukop makan sepanjang masa. Keinsafan itu lambat laun akan menimbulkan satu kesedaran untuk bersikap tolong menolong dan kaseh mengasehi sesama makhlok. Apabila sifat2 seperti ini telah menjar di-kalangan anggota masyarakat maka dapat-lah di-harapkan akan timbul-nya perpaduan dan perpaduan adalah syarat kemajuan dan kesempurnaan masyarakat.

Di-samping itu sifat2 memberi dan menerima ketika tolong menolong dapat juga melahirkan rasa bahagia bagi orang persaorangan dan masyarakat seluruh-nya, sebab dalam keadaan demikian persafahaman akan menyelinap dalam kemesraan.

Allah hu akbar, Allah hu akbar, Allah hu akbar.

Kita sama2 memalumi bahawa ada-lah menjadi chita2 kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk membawa negeri dan rakyat Brunei ka-arah sesuatu perkembangan dan kemajuan. Perkembangan dan kemajuan sesungguh-nya sangat berharap kapada pengorbanan yang be-



17hb. Disember, 1969

MASAALAH TENAGA

MENTERI BESAR, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dalam ucapan Hari Raya ka-seluruh raayat yang disiarkan melalui radio telah menggesa pemborong2, sharikat2 perniagaan dan perusahaan di-negeri ini supaya mengutamakan anak2 negeri untuk memenohkan kekosongan pekerjaan pada perusahaan2 mereka.

Jika keutamaan ini tidak diambil berat oleh mereka, maka tindakan yang setimbang dengan perbuatan itu akan di-laksanakan. Ini ada-lah merupakan dasar yang mesti di-patohi dan jika terjadi pelanggaran ka-atas dasar itu, maka akibat-nya ada-lah pahit.

Beliau mengingatkan kepada pemborong2, sharikat2 perniagaan dan perusahaan supaya tidak akan menggunakan kesempatan itu untuk menjadikannya sa-bagai alasan bagi membolehkan mereka memasukkan pekerja2 dari luar negeri, tetapi sebalik-nya memberi keutamaan bekerja dalam lapangan2 yang agak boleh di-jalankan oleh anak negeri.

Masalah kesuntukan tenaga di-kalangan orang2 kita ada-lah merupakan masalah yang sudah lama di-sedari, lebeh2 lagi dari segi tenaga2 yang mahir.

Kekurangan tenaga ini ada-lah tidak patut di-anggap sa-bagai perkara biasa saja, dan kerana itu jika kita benar2 mahu membantu pelaksanaan projek2 perkembangan berjalan dengan lincin dan terator, maka hakikat itu harus di-sedari dengan sedalam2-nya.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menyebut peluang2 yang harus di-ambil oleh anak negeri bagi melayakkan diri mereka berkecimpung bukan hanya dalam jurusan2 pekerjaan dalam bentuk "white collar," tetapi juga meliputi kepada kerja2 perburuhan.

Menilik kepada kechenderongan bekerja di-kalangan kebanyakan anak2 muda, terutama yang sudah lepas dari bangku sekolah, maka lapangan perburuhan hampir tidak melekat dalam sebutan mereka. Mereka memusatkan perhatian dalam pekerjaan yang ringan2 belaka seperti dalam pejabat dan gedong2 perniagaan. Jarang sekali kita mengikuti sebutan menjadi tukang kayu, tukang simen, tukang besi dan sumpama-nya.

Bekerja menjadi tukang kayu, tukang simen, tukang besi dan tukang chat ada-lah satu lapangan pekerjaan yang lumayan pendapatan-nya, bahkan boleh mengalakkan pendapatan pegawai2 division tiga.

Kalau di-fikirkan soal taraf, maka kedudukan taraf itu jika di-nilai dengan sedalam2-nya ada-lah sama atas matalamat yang satu ia-itu untuk kepentingan bangsa dan negara yang sama2 kita chintai ini. Oleh yang demikian keutamaan yang istimewa kepada anak2 tempatan itu harus di-sambut dengan tangan yang terbuka. Untuk sama2 membangun, maka mestilah di-masuki semua lapangan yang ada, jangan sampai orang lain menghirup kenikmatan-nya.

TITAH D. Y. M. M. SEMPENA MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL FITRI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah bertitah menerusi radio untuk mengucapkan selamat Hari Raya kepada seluruh raayat Baginda.

Titah Baginda itu telah di-siarkan menerusi Radio Brunei pada malam Hari Raya dan telah di-usahakan rakam-nya oleh BBC London.

Baginda dan rombongan pada masa ini sedang meneruskan perundingan dengan Kerajaan Baginda Queen di-London bagi mengeratkan lagi persahabatan Negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom dan mengukuhkan keselamatan, keamanan dan ketenteraman luar dan dalam Negeri Brunei.

Titah Baginda sapenohnya ada-lah seperti berikut:

Allah hu akbar walilah ilham mengambil sempena hari di-bulan Shawal yang baik ini alhamdulillah washukor alah serta beta ucapkan selawat dan salam kepada junjongan kita Saidina Muhammad s.a.w. kepada keluarga dan sahabat2 baginda.

Assalam-mu-alaikum warahmatullah-hi wabarkatuh.

Alhamdulillah pada saat dan hari yang berbahagia ini beta serta keluarga beta mengucapkan Selamat Berhari Raya Aidil Fitri kepada raayat dan penduduk di-negeri beta Brunei Darus salam yang di-kasehi.

Dari sepanjang amal yang laila bersafahat yang mana raayat beta tunaikan bagi menyempurnakan puasa dalam bulan Ramadhan ada-lah satu dari bayangan yang nyata ia-itu raayat beta sekalian lebeh2 takwa kepada Allah subahan nahu wataala dari kehendak hawa nafsu yang sendiri yang tidak di-ingini.

Dengan sempena hari baik bulan baik ini dengan berdo'a laila benar2 ka-arah bahagia dengan izin Tuhan rabul alamin kukoh lagi iman kebajikan beta dan menambahkan ilham petunjuk-nya kepada beta berunding atau mengadakan

perundingan dengan Kerajaan Baginda Queen bagi mengeratkan lagi persahabatan Negeri Brunei dengan Kerajaan United Kingdom dan mengukuhkan perjanjian Negeri Brunei dengan Kerajaan Baginda Queen di-United Kingdom mengenai pertahanan bersama untuk mempertahankan keselamatan, keamanan dan ketenteraman luar dan dalam Negeri Brunei.

Langkah yang beta ambil ini sesudah beta renongkan dengan sa-dalam2-nya dan diteliti dengan sesungguh2-nya ada-lah sa-bagai keputusan laila persediaan usaha yang munasabah dan afdhal, Marilah kita bersama2 berdo'a

mudah2an Allah subahan nahu wataala akan senentiasa mengurniakan perlindungan dan menchurahkan hidayah-nya supaya negeri kita Brunei Darusalam ini akan senentiasa berada di-dalam lingkungan keselamatan serta kesejahteraan yang mana akan membolehkan raayat-nya berusaha bagi faedah dan laila kebahagiaan Negeri kita Brunei Darusalam.

Dengan itu sekali lagi beta dan bagi pehak keluarga beta mengucapkan selamat Berhari Raya Aidil Fitri. Wabilah hi taufik wal hidayah assalam mu alaikum warahmatullahi wataala hewaberkatuh.



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Amaran terhadap pemandu2 kereta yang chuai

BANDAR BRUNEI. — Pesuruhjaya Pulis Di-Raja, Dato J. R. H. Burns telah memuji pemandu2 kereta terhadap perhatian yang mereka lakukan ketika memandu kereta dalam semasa hari2 kelepasan bagi menyambut Hari Raya yang lalu.

Beliau berkata, hanya satu kemalangan berat sahaja telah berlaku semasa hari2 kelepasan itu dalam mana sa-orang kanak2 telah chedera akibat kemalangan jalan raya di-batu 7 Jalan Tutong pada hari Ahad lepas.

Dato Burns melahirkan harapan bahawa pemandu2 kereta akan terus berhati2 memandu kereta dan menjauhkan berlaku-nya kemalangan jalan raya.

Pesuruhjaya itu berkata, kemalangan jalan raya boleh di-elakkan jika pengguna2 jalan raya terutama sekali pemandu2 kereta mematuhi peratoran2 lalu lintas.

Mereka hendak-lah memberi pertimbangan kepada lain2

pengguna jalan raya dan memandu kereta dengan perlahan2 apabila melalui kenderaan yang sedang berhenti atau pun orang2 yang sedang berjalan kaki terutama-nya kanak2.

Pemandu2 hendak-lah sentiasa memandu kereta masing2 di-bahagian yang tertentu dan memberi isharat dengan betul sa-belum membelok, perlahan atau berhenti.

Dato Burns memberi amaran kepada pemandu2 kereta yang berlumba2 antara satu sama lain di-jalan raya atau pun membawa kereta yang tidak wajib di-jalankan.

Beliau menyatakan dari 1 Januari hingga 10 Disember tahun ini, sa-banyak 13 kemalangan jalan raya yang berat telah berlaku. Pada tahun lalu 25 orang telah terbunuh akibat kemalangan jalan raya.

Beliau berkata, kebanyakan orang2 yang mati itu ia-lah akibat pemandu2 kereta yang enggan mematuhi keselamatan di-jalan raya termasuk tidak memberi pertimbangan kepada lain2 pengguna jalan raya.

HARI RAYA Aidil-fitri telah pun berlalu dan kita Umat Islam telah merayakan-nya dengan berbagai2 chara mengikut kehendak masing2. Di-sepanjang sambutan hari yang mulia itu telah menjadi kebiasaan untuk kita kunjong mengunjongi dari rumah ka-rumah bagi menziarahi sanak saudara dan sahabat handai. Dalam suasana kunjong mengunjongi ini kadang2 telah berlaku kesah orang yang mengunjongi dan orang yang di-kunjongi yang tidak kenal antara satu sama lain, namun salam mesera tetap terjalin antara tangan kedua belah pehak.

Apakah yang dapat di-timbulkkan dalam suasana yang demikian?

Pertolakan hubungan antara yang tidak kenal ini telah bermula sempena hari yang mulia itu dan dari sini juga telah dapat menimbulkan hubungan yang amat mesera yang kadang2 sukar di-masoki oleh gejala2 untuk memecahkan hubungan itu. Hari Raya lebeh menguntungkan lagi bagi orang2 yang mempunyai sahabat. Kedatangan hari yang berkat itu telah dapat merapatkan hubungan antara sahabat yang bukan hanya sesama Islam bahkan juga sahabat2 yang yang bukan Islam.

Dalam suasana yang meriah itu, kebanyakan yang bukan Islam, terutama-nya orang2 China telah berduyun2 mengunjongi rumah2 sahabat2 mereka yang terdiri dari orang2 Melayu.

Suasana di-kampung ayer telah dapat kita saksikan dengan lebeh dekat lagi dalam sambutan sejak hari raya pertama hingga-lah sambutan2 pada hari2 yang berikut-nya.

Di-titian pail beberapa kelompok keluarga China telah berjalan melalui-nya untuk mencari rumah2 sahabat2 mereka dan dengan tidak segan2 bertanya tentang letak-nya rumah sahabat itu. Dalam suasana tanya menanya ini timbul lagi satu hubungan sahabat yang baru. Orang yang di-tanyai oleh keluarga China itu di-samping menunjukkan letak rumah sahabat itu telah menjemput pula keluarga itu untuk masuk ka-rumah-nya terlebeh dahulu sa-belum meneruskan langkah ka-rumah sahabat yang di-kehendaki. Kerana kemeseraan yang di-tunjukkan terdahulu dari itu, maka keluarga itu menerima pelawaan itu dengan senang hati dan kemudian terjalin-lah satu lagi hubungan sahabat yang baru kenal mengenali.

Keadaan yang demikian tidak juga kurang dengan yang dapat di-lihat di-kampung2 daratan, lebeh2 lagi di-daerah2 Belait/Seria. Hubungan sahabat antara kedua kaum itu semakin erat lagi atas berkat Hari Raya Aidil-fitri dan dari sini telah dapat menimbulkan hubungan mesera dan ujud-nya perpaduan yang erat. Suasana yang berkat itu sa-olah2 sa-bagai

satu majlis keluarga.

Pada yang bersahabat sudah lama, maka Hari Raya di-penohi dengan cherita2 lucu yang membuahkan helai-tawa sa-bagai tanda kegembiraan — bagi yang baru berkenal masing2 melakukan wawanchara bagi mengenali kedudukan antara satu sama lain.

Meninjau akan keadaan suasana berfitrah yang mana satu chara yang di-anggap baru telah di-ujudkan dalam sambutan Hari Raya tahun ini dapat-lah di-katakan telah menempah satu sejarah yang baru bagi Umat Islam dalam menunaikan kewajipan mereka.

Berikutan dengan langkah yang di-lakukan oleh Majlis Uagama Islam untuk menjemput Umat Islam di-negeri ini supaya menghantar fitrah2 mereka kepada Imam2 yang di-lantek sa-bagai 'amil sementara, maka satu suasana yang kurang senang telah berlaku dan suasana itu pada tahun ini sukar untuk mengelakkan-nya kerana Umat Islam di-negeri ini baharu sahaja

KESAN2 YANG DAPAT DI-TIMBULKAN DALAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDIL-FITRI

Oleh: PENULIS KITA

berhadapan dengan suasana yang demikian.

Sa-bilangan orang yang telah selesai menghantar fitrah2 mereka dan menerima resit sa-bagai tanda penerimaan fitrah itu telah bersungut tentang apa yang tertulis dalam resit itu.

Mereka merasa ragu2 kerana tidak di-sebutkan nama tiap2 orang yang berfitrah yang dalam resit2 itu hanya sekadar di-sebutkan si-pulan bin si-pulan dan beberapa orang. Mereka mau supaya nama yang berfitrah itu ditulis sa-orang demi sa-orang walaupun penoh atau sa-hingga memakan ruangan sa-belah menyebelah resit sa-keping itu.

Tetapi tidak juga kurang-nya tentang orang2 yang menerima resit dan dengan tidak banyak chakap terus saja memasukkan resit yang di-terima itu ka-dalam kocek.

Keadaan yang tersebut tadi, buat mula pertama ini memang sukar hendak di-elakkan, bahkan mungkin ada berlaku kesilapan2 kerana sa-tiap perkara yang baru di-lakukan itu tidak mesti terlaksana dengan chupuk terator.

Namun demikian kita perchaya, keadaan pertama itu dapat-lah di-

buat sa-bagai pelajaran dan apa yang kurang chuchok pada tahun ini akan di-chari jalan untuk melihinkan pengutipan fitrah itu pada tahun depan.

Kita Umat Islam di-negeri ini harus-lah menyedari akan keadaan itu dan sama2-lah kita mencari jalan yang lebeh baik untuk mengujudkan satu keadaan yang terator dan chupuk kemas.

Satu perkara lagi bahawa apakah semua Umat Islam menyambut arahan2 dari Majlis Uagama Islam supaya fitrah2 di-hantar kepada Imam2 di-masjid?

Pada umum-nya dan menilek kapada suasana di-masjid2, maka arahan2 Majlis Uagama Islam itu telah di-patohi dan hampir di-semua masjid2 yang berkenaan telah di-banjiri oleh Umat Islam. Walaupun langkah ini baru saja di-ujudkan oleh Majlis Uagama Islam, tetapi ia-nya telah mendapat kejayaan yang besar dan kejayaan ini dapat-lah di-katakan berkat dari usaha badan penerangan Uagama Islam dengan kerjasama radio dan surat2 khabar tempatan yang tidak jemu2 mengeluarkan penerangan2 yang berkaitan dengan chara baru berfitrah itu.

Terdahulu dari itu, Majlis Uagama Islam, awal2 lagi telah menerbitkan buku kecil berhubung dengan perkara tersebut yang kemudian-nya di-sebarkan keseluruh negeri. Langkah ini ada-lah langkah yang chupuk pada memberikan penerangan yang chupuk dan terator.

Kejayaan yang di-chapai oleh Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait

KUALA BELAIT. — Majlis Perkhidmatan Masharakat Daerah Belait telah menchatetkan lagi kerja kebajikan yang memuaskan di-daerah itu.

Kejayaan perkhidmatan-nya dalam tahun ini yang termasuk usaha menguruskan Rumah Orang2 Tua di-Seria, Rebahagian besar-nya ada-lah hasil kerjasama dan sukongan kerajaan dan orang ramai.

Dari sejak bulan Januari hingga bulan Nobember, jawatankuasa kerja majlis itu telah menguruskan banyak perkara berhubung dengan memberikan pertolongan dan bantuan kepada orang ramai, dalam mana beberapa ribu ringgit di-keluarkan untuk mereka yang memerlukan-nya. Mereka yang menerima-nya termasuk anak2 yatim, balu, orang2 yang chat, buta dan umor tua.

Pada masa sekarang ini, sa-ramai 55 orang termasuk lima perempuan tua yang tinggal di-Rumah Orang2 Tua-Seria.

Jumlah pendapatan meningkat kapada \$33,413.26 sen, \$10,000 daripada-nya bantuan kerajaan dan dari jumlah itu sa-banyak \$25,187.60 telah dibelanjakan.

Ranchangan beasiswa majlis itu bagi tahun 69 telah dilaksanakan sa-penuh.

Pengurus majlis Yang Dimuliakan Pehin Datu Derma Setia, Dato P. A. Coates telah melahirkan ucapan terima kaseh kapada semua yang memberikan pertolongan ka-

pada majlis itu untuk men-chapai matalamat-nya tahun ini.

Kata-nya, tanpa sukongan yang bermurah hati dari kerajaan, Majlis Perkhidmatan Masharakat Belait tidak akan dapat melaksanakan kerja2-nya dengan sepenuhnya.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 17 Dis. 1969 hingga ka-hari Selasa 23 Dis. 1969 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
17 Dis.		12-23	3-34	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
18 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
19 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
20 Dis.		12-23	3-42	6-18	7-33	4-49	5-04	6-22
21 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
22 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25
23 Dis.		12-26	3-45	6-21	7-36	4-52	5-07	6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

Pelumba2 Singapura menangi perlumbaan2 go-kart antara bangsa Brunei yang ketiga

BANDAR BRUNEI. — Philip Seow dari Singapura telah memenangi Piala Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan wang tunai \$1,500 dalam perlumbaan go-kart antara bangsa yang ketiga yang telah di-adakan di-Khemah Berakas pada hari Sabtu lepas.

Dalam perlumbaan 60 pusingan itu, Ken Johnson dari Brunei telah mendapat tempat kedua dan Stephen Kam dari Singapura, pemenang pertama dalam perlumbaan tahun lepas — telah mendapat tempat ketiga.

Ken Johnson telah menerima piala rebutan Shell dan wang tunai \$500 dan Stephen Kam juga telah menerima piala dan wang tunai \$300.

Dalam perlumbaan bagi memperingati hari kepupsaan Duli Yang Maha Mulia ia-itu sa-banyak 40 pusingan, Stephen Kam dari Singapura telah memenangi piala rebutan dan \$200 wang tunai.

Pemenang kedua dalam perlumbaan tersebut ia-lah Anthony Loh juga dari Singapura dan Suresh Janardanan dari Brunei mendapat tempat ketiga.

Dalam perlumbaan kelas satu 10 pusingan, Awang Zai-nuddin Dato Marsal dari Brunei mendapat tempat pertama bagi go-kart yang mempunyai kekuatan lebih dari 250 c.c.

Lebih dari 20 peserta dari Brunei, Singapura dan Malaysia telah mengambil bahagian dalam perlumbaan go-kart antara bangsa yang ketiga itu.

Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan telah merasmikan perlumbaan tersebut.

7 orang chalun masok pereksa "Steno" dalam bahasa Melayu

BANDAR BRUNEI. — Saramai tujuh orang chalun akan mengambil peperiksaan steno-grapher dalam bahasa Melayu yang akan di-adakan di-Sekolah Melayu Puser Ulak pada 19 Disember ini.

Peperiksaan yang di-anjor-kan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-ke-lolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Ia-nya akan di-bahagikan kepada tiga peringkat — peringkat permulaan, menengah dan tertinggi.

Lima orang chalun akan memasuki peperiksaan dalam peringkat permulaan dan dua orang dalam peringkat menen-



Gambar atas menunjukkan Duli Yang Teramat Mulia Seri Paduka Timbalan Sultan sedang menyampaikan Piala Rebutan kepada Philip Seow dari Singapura pemenang pertama dalam perlumbaan go-kart antara bangsa Brunei yang ketiga. Sementara gambar kiri: Duli Yang Teramat Mulia itu kelihatan sedang di-perkenalkan kepada pelumba2 go-kart dari Singapura oleh Pengerusi Perlumbaan go-kart antara bangsa Brunei, Dato Paduka Awang Abdul Ghani bin Jamil (kanan sekali).

KHUTBAH HARI RAYA AIDIL-FITRI:

(Dari Muka 3)

sar daripada kita semua, di-samping itu setiap pembangun-an ada-lah memerlukan ketabahan jiwa dalam memikul tanggung jawab dan tugas

yang amat berat bagi men-chapai kebangkitan dan kema-juan yang sama2 kita chita2-kan itu.

Oleh itu patut-lah kita sedari bahawa sifat2 kebinatangan ada-lah musuh manusia ketika menuju sebarang chita2 yang mulia, kerana apabila hawa nafsu menguasai alam fikiran yang waras, maka kejahatan akan selalu menyebabkan manusia lupa daratan dan lalai kepada kewajipan dan tang-tong jawab. Akan tetapi ba-

rang siapa yang berjaya nema-tohi perintah berpuasa, maka dengan sendiri-nya ia telah ber-hasil dalam medan peperangan yang besar, ia-itu mengharongi hawa nafsu.

Latehan serupa ini ada-lah satu didekan jiwa yang amat berkesan untuk melahirkan manusia yang tabah mengha-dapi sebarang ujian yang lebih besar. Oleh yang demikian, meski pun perkembangan dan kemajuan yang kita idam2kan itu ada-lah merupakan sesuatu perkara yang amat berat, tetapi apabila kita sudah biasa menempoh ujian yang agak ringan daripada-nya, maka insha Allah chita2 ini akhir-nya akan kita chapai juga di-suatu ketika.

Di-samping kita bergembira di-pagi hari raya yang mulia ini, mari-lah sekali lagi kita menanamkan di-dalam sanu-bari kita betapa besar-nya fae-dah mengamalkan puasa, mu-dah2an kita akan beroleh ke-jayaan bagi mematohi pada masa2 yang lain.

18 orang lulus pereksa bahasa China

BANDAR BRUNEI. — Saramai 18 orang pelajar kelas dewasa telah lulus dalam pe-periksaan bahasa China yang telah di-adakan dalam bulan Oktober lepas.

Tiga belas orang lulus dalam tingkatan rendah dua dan lima lulus dalam tingkatan rendah empat.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran

Kelas Dewasa menyatakan ba-hawa empat orang chalun yang memasuki peperiksaan dalam bahasa Peranchis yang di-ada-kan dalam bulan Oktober le-pas telah lulus peperiksaan itu.

Peperiksaan dalam bahasa Peranchis itu ada-lah julung2 kali-nya di-adakan di-negeri ini. Tujuh orang chalun telah memasuki peperiksaan tersebut.

Jawatan — Jawatan Kosong

Di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan kosong yang berikut di-Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

a) PEMBANTU STUDIO (2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form II Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F. 1 — \$160 x 5 — 175.

b) ATENDAN BILEK BACHAAN (3 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II di-Sekolah Melayu atau Sekolah Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E1-2 EB3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

c) JURUTAYANG

(1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Ing-

geris dan mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar, alat pembesar suara dan generator. (Satu peperiksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

d) PEMANDU KERETA/ JURUTAYANG

(2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Inggeris dan mempunyai lesen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu serta mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar, alat pembesar suara dan generator. (Satu peperiksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

e) PEMANDU OUTBOARD/ JURUTAYANG

(2 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah V Sekolah Melayu atau Form II Ing-

geris dan mesti-lah boleh menjalankan jentera outboard serta mempunyai pengalaman dalam menjalankan jentera wayang gambar, alat pembesar suara dan generator. (Satu peperiksaan akan di-adakan oleh Jabatan Penyiaran dan Penerangan).

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

f) PEGAWAI SIARAN (Pelateh)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu dan Form III Inggeris.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1 EB2 — \$210 x 10 — 260/EB/270 x 15 — 360.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembailikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Januari, 1970.

LATEHAN PERGURUAN

KURSUS (B) 1970

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada mereka2 yang belum berkahwin dan telah di-lahirkan dalam Negeri Brunei, serta telah lulus peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran Malaysia atau yang sa-banding dengan-nya di-dalam penghantar Bahasa Melayu atau Inggeris, untuk memasuki latehan perguruan sa-lama tiga tahun di-Maktab Perguruan Brunei.

Sa-masa dalam latehan semua pemohon2 yang di-terima akan di-beri elaun saperti di-bawah:

Bagi tahun pertama dan kedua — \$180 sa-bulan

Bagi tahun ketiga — \$190 sa-bulan

Jika pemohon itu di-beri tempat tinggal di-Asrama yang di-akui, sa-banyak \$60 daripada elaun di-atas akan di-potong pada tiap2 bulan.

Sa-belum di-terima masuk, pemohon2 akan di-temuduga serta juga di-pekerja oleh doktor.

Pemohon2 yang di-terima masuk akan di-kehendaki menanda tangani satu perjanjian dengan kerajaan Brunei atas sharat2 saperti di-bawah:

(a) Mereka tidak akan berkahwin sa-masa dalam latehan;

(b) Mereka atau penjamin2 mereka di - kehendaki membayar balek sa-penoh-nya kepada Kerajaan Brunei jika mereka berhenti sa-masa maseh dalam latehan;

(c) Mereka sanggop berkhidmat dengan Jabatan Pelajaran Berunei sa-lama sa-kurang2-nya lima tahun sa-lepas tamat latehan.

Semua penuntut2 yang berjaya dan tamat latehan akan di-masokkan ka-dalam tingkatan gaji yang sama dengan guru2 lain yang di-akui bagi perengkat tersebut.

Permohonan2 hendak-lah di-buat dalam borang2 yang sah yang boleh di-dapati daripada Penyusun Latehan Perguruan, Maktab Perguruan Brunei, Peti Surat 391, Bandar Brunei. Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembailikan kepadanya tidak lewat daripada 26hb. Januari, 1970.

Pengakap2 mengembara ka-Sabah



Gambar atas menunjukkan lapang orang pengakap dari pasukan Sekolah Menengah Melayu Pertama yang telah berlepas ka-Labuan pada hari Isnin lepas.

Rombongan yang di-ketuai oleh Awang Adnan bin Abdul Latif itu akan mengembara ka-Kota Kinabalu.

Mereka di-jadualkan berada di-sana selama sa-bulan.

Peperiksaan City And Guilds London

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pelajaran sedang mengurus bagi di-adakan peperiksaan City dan Guilds London di-Brunei dalam bulan Mei dan Jun tahun hadapan.

Mata2 pelajaran ia-lah Kursus Juruteknik Talikom dan Latehan Kejuruteraan Letrik.

Bayaran memasoki peperiksaan ia-lah \$12 bagi tiap2 kertas peperiksaan bagi tahun pertama bagi kursus juruteknik talikom, \$15 bagi tahun kedua, dan \$17 bagi tiap2 kertas peperiksaan bagi tahun ketiga dan ka-empat.

Bagi peperiksaan latehan kejuruteraan letrik, bayaran-nya ia-lah \$15 bagi tiap2 kertas peperiksaan bagi perengkat permulaan, \$17 bagi pertengahan \$17 bagi bahagian akhir satu dan \$22 bagi tiap2 kertas bagi bahagian dua.

Chalun2 yang ingin mengambil peperiksaan itu boleh mendapatkan borang2 masuk dari pusat2 peperiksaan di-Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell di-Seria.

Borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-hantarkan bersama2 dengan bayaran masuk pekerka kepada Pejabat Pelajaran di-Bandar Brunei tidak lewat dari 31 Disember.

Pemborong2 di-gesa supaya mengutamakan anak2 tempatan

(Dari Muka 1)

setimbang dengan keperluan2 tenaga yang di-perlukan", ujar beliau.

Untuk sampai kepada mata-lamat itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar menyeru rakyat negeri ini supaya terus menerus menumpukan tenaga untuk menggunakan sebarang peluang yang ada bagi memajukan dan melayakkan diri masing2 untuk mencapai mata2 pencharian yang lebih lumayan dari apa yang kita sandang pada masa ini.

Beliau percaya bahawa hanya dengan usaha itu sahaja, taraf hidup kita akan dapat meningkat kepada satu peringkat yang lebih tinggi dan mewah.

AMARAN

Di-samping itu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar memberi amaran kepada pemborong2, sharikat2 perniagaan dan perusahaan supaya jangan melakukan pengambilan tenaga2 dari luar dengan sawenang2 bertopengkan kekurangan tenaga yang mahir di-negeri ini.

"Walaupun tenaga anak negeri pada masa ini tidak begitu sampai kepada peringkat kemahiran yang di-perlukan, Brunei tidak akan dungu jika pengambilan tenaga2 dari luar negeri sahaja di-lakukan dengan bertopengkan kekurangan tenaga yang mahir di-negeri ini terutama sekali pengambilan buroh2 kasar," jelas beliau.

Beliau menggesa pemborong2, sharikat2 perniagaan dan perusahaan supaya mengutamakan anak2 negeri ini untuk memenohkan kerja2 yang agak boleh di-jalankan oleh mereka.

Beliau berkata, pihak2 yang berkaitan hendak-lah memahami kedudukan itu dan jika terjadi pelanggaran atas dasar mengutamakan anak2 negeri itu, maka akibat-nya adalah "pahit".

(Yang Amat Berhormat Menteri Besar pada masa ini sedang berada di-London kerana mengikuti rombongan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang mengadakan perundingan2 dengan Kerajaan British atas beberapa masaalah yang berkaitan dengan masa depan Brunei).



Mashuarat bulanan pengakap

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Pengakap Tempatan Daerah Brunei akan mengadakan mashuarat jawatan kuasa bulanan-nya bertempat di-Ibu Pejabat Pengakap Negara di-Bandar Brunei pada jam 5.00 petang esok, hari Khamis 18 Disember.

Mashuarat itu akan merundingkan berbagai2 perkara mengenai kegiatan2 pergerakan Pengakap di-Daerah Brunei dan Muara.

Mashuarat itu akan juga merundingkan perkara berkenaan dengan chadangan hendak mengadakan temasha unggun api dalam bulan Januari tahun hadapan.

Dua buah balai pulis baru

BANDAR BRUNEI. — Pulis Di-Raja Brunei akan mempunyai dua buah balai pulis baru apabila pembinaan balai2 pulis di-Lamunin dan Kuala Belait siap dalam tahun hadapan.

Pembinaan rangkaian balai pulis di-Lamunin yang di-ang-garkan menelan belanja sebanyak \$620,000.00 sekarang sedang berjalan dengan baik.

Rangkaian itu mengandungi bangunan balai, barek bagi orang2 bujang dan orang2 yang sudah beristeri, sa-buah

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri kelihatan sedang memotong pita bagi merasmikan pameran tersebut.

Sekolah aneka jurusan di-Pekan Tutong siap

TUTONG. — Sekolah Menengah aneka jurusan yang baru di-Tutong, telah pun di-serahkan kepada Jabatan Pelajaran oleh Sharikat Booty, Edwards, dan Rakan, pereka complex bangunan sekolah itu.

Pembinaan kompek bangunan itu telah siap dalam dua peringkat.

Perengkat pertama meliputi

Pameran lukisan oleh Professor Sunyee dari Singapura

BANDAR BRUNEI. — Satu pameran lukisan oleh Professor Sunyee dari Singapura telah di-adakan di-bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Brunei selama dua hari.

Pameran yang di-rasmikan oleh Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri pada hari Isnin lepas itu telah berakhir semalam.

Professor Sunyee ia-lah Pengetua Singapura Academy of Arts dan professor seni di-kelas Seni Wanita Antara Bangsa bagi Y.W.C.A. Singapura.

Beliau telah mempamerkan lukisan2-nya buat pertama kali-nya di-Shanghai dalam tahun 1940.

Lebih dari 60 keping lukisan telah di-pamerkan di-bilik pameran Dewan tersebut.

pembinaan empat buah rumah kelas C, dua buah blok bengkel; sa-buah bangunan pejabat dan 16 buah bilek darjah yang siap dalam bulan September tahun ini. Perengkat kedua yang meliputi enam belas buah rumah jenis barek, enam buah rumah pangsa Kelas E, dua belas buah rumah pangsa kelas F, empat buah asrama dan rumah pangsa untuk tempat tinggal pengawas; sa-buah kanten; sa-buah dewan dan tempat penunton yang siap bulan lalu.

Pembinaan projek tersebut menelan belanja kira2 \$4.5 juta.

Sa-orang juruchakap Jabatan Pelajaran berkata, sekolah tersebut akan di-gunakan untuk menempatkan penuntut2 menengah dan persediaan, hingga pembinaan sekolah menengah persediaan di-pekatan Tutong siap. Penuntut2 tersebut kemudian - nya akan pindah ke-sekolah yang baru itu.

BEKALAN AYER DI-BANDAR BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Kerja Raya mengumumkan bahawa dalam masa hujan ini bekalan ayer di-kawasan Brunei akan terus di-adakan pada tiap2 hari dari jam 6.00 pagi hingga 9.00 malam tetapi akan di-tutup pada wak-

tu malam kechuali di-kawasan Jalan Muara dan Jalan Pasir Berakas.

Bekalan ayer akan terus di-adakan di-Jalan Muara dan Jalan Pasir Berakas dari jam 6.00 petang hingga 6.00 pagi.

Oleh sebab keadaan pada

seluruh-nya belum memuaskan dan kolam ayer Tasek hanya mengandungi lebih dari separoh, pengguna2 ayer ada-lah di-minta supaya berjimat cermat apabila menggunakan ayer bagi mengelakkan dari terbuang.